



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission

GARI SPANDUAN

PENGELUARAN SETEM POS MALAYSIA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 603 8688 8000
Fax: 603 8688 1002

www.mcmc.gov.my

**PANDUAN BAGI PERMOHONAN DAN PENGELUARAN SETEM POS
DI BAWAH AKTA PEKHIDMATAN POS 1991**

1. Garispanduan ini bertujuan memberi panduan berkaitan prosedur permohonan dan kriteria pengeluaran setem pos di Malaysia.

PENDAHULUAN

2. Pengeluaran setem pos di Malaysia adalah di bawah kawalan Akta Perkhidmatan Pos 1991 di mana:
 - 2.1 Menteri mempunyai kuasa untuk meluluskan pengeluaran setem pos dan peraturan-peraturan berkaitan setem pos.
 - 2.2 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("SKMM") adalah badan yang mengawalselia pengeluaran setem pos khas, kenang-kenangan, dan definitif.
 - 2.3 Pos Malaysia Berhad ("PMB") adalah badan yang dibenarkan untuk mengeluarkan setem pos.
3. Setem pos boleh dikategorikan kepada tiga:
 - 3.1 Setem pos kenang-kenangan
 - 3.2 Setem pos khas
 - 3.3 Setem pos definitif
4. Pengeluaran setem pos adalah terhad bagi setiap tahun bagi menjamin mutu dan permintaan yang baik dari pengumpul-pengumpul setem. 12 tema bagi setiap tahun adalah dicadangkan di mana 6 tema adalah untuk setem kenang-kenangan manakala 6 tema lagi adalah untuk setem khas.

PROSEDUR PERMOHONAN PENGELUARAN SETEM POS

5. Prosedur permohonan pengeluaran setem pos adalah seperti berikut:
 - 5.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada SKMM secara bertulis kepada:

Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
 - 5.2 Permohonan untuk setem kenang-kenangan hendaklah dikemukakan **6 bulan** sebelum tarikh peristiwa yang akan disambut.
 - 5.3 Pemohon hendaklah memahami kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti yang telah digariskan di dalam garis panduan ini sebelum mengemukakan permohonan.
 - 5.4 Pemohon hendaklah di dalam permohonannya menjelaskan asas-asas yang boleh dipertimbangkan seperti kepentingan sesuatu tema kepada negara.
 - 5.5 Semua permohonan setem akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penasihat Setem untuk dipertimbangkan sebelum ianya dikemukakan kepada YB Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.
 - 5.6 Keputusan mengenai permohonan akan dimaklumkan sejurus selepas YB Menteri membuat keputusannya.
 - 5.7 Bagi permohonan yang telah diluluskan, pemohon hendaklah mengadakan perbincangan terus dengan PMB berkaitan dengan rekabentuk dan pengeluaran setem.

SETEM POS KENANG-KENANGAN

KRITERIA

6. Untuk memperingati pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan, Raja-Raja dan perlantikan Yang di-Pertuan Negeri dan/atau ulang tahun pemerintahan Sultan/Raja-Raja/Yang di-Pertuan Negeri di peringkat sambutan ke-25, 50, 75 dan 100 tahun.
7. Untuk merai/memperingati sesuatu peristiwa tertentu seperti pencapaian negara dari segi kemajuan teknologi atau pembangunan institusi tertentu secara fizikal yang melambangkan kejayaan dari segi pembangunan samada di peringkat negara atau antarabangsa di mana Malaysia mempunyai kepentingan.
8. Beberapa peraturan perlu diikuti dan dipatuhi untuk menentukan setem yang akan dikeluarkan benar-benar membawa kenangan, bernilai dan membawa kepentingan kepada negara seperti berikut:
 - 8.1 Merangkumi perasmian, penubuhan atau pelancaran buat pertama kali/julung-julung kali.
 - 8.2 Termasuk perayaan ulang tahun ke-25, 50, 75 dan 100 yang mempunyai kepentingan sejarah di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
 - 8.3 Termasuk ulang tahun kemerdekaan Negara.
 - 8.4 Termasuk persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa.
9. Berikut adalah kategori peristiwa yang tidak layak memohon/dipertimbangkan untuk mengeluarkan setem kenang-kenangan:
 - 9.1 Persidangan, kongres, seminar, mesyuarat, forum yang diadakan secara berkala atau berbentuk "routine" dan tetap umpama 3 tahun sekali, 5 tahun sekali dan sebagainya.

- 9.2 Agensi bukan Kerajaan atau syarikat luar yang menjalankan operasi di Malaysia walaupun sambutan di peringkat ulang tahun tertentu.
- 9.3 Ulang tahun sesebuah Jabatan, Kementerian atau Agensi Kerajaan.
- 9.4 Sesuatu upacara perasmian untuk peringkat negeri sahaja seperti Perasmian Perpustakaan Negeri.
- 9.5 Sambutan di peringkat Jabatan atau Kementerian seperti Hari Anti Dadah, Minggu Alam Sekitar, Bulan Pengguna dan sebagainya.
- 9.6 Tema yang sama dikeluarkan/pernah dikeluarkan dalam masa terdekat seperti 3 tahun yang lepas dan dirasmikan sebelumnya.
- 9.7 Permohonan yang diwakili oleh minoriti sesuatu bangsa/penduduk mengenai perayaan, pesta, sambutan kebesaran dan sebagainya.
- 9.8 Meliputi sesuatu perasmian atau pembukaan yang melibatkan beberapa fasa sehingga siap.
- 9.9 Mana-mana permohonan yang tidak menepati garis panduan yang ditetapkan disamping tidak mahu ianya dijadikan rujukan kepada pihak-pihak lain untuk membuat permohonan yang serupa atau supaya diberikan pertimbangan yang serupa dengan menjadikan kes kelulusan yang diberikan sebagai contoh.

SYARAT PENGELUARAN

10. Setem kenang-kenangan hendaklah dikeluarkan atau dijual serentak pada hari perasmian atau pelancaran sesuatu peristiwa.
11. Setem kenang-kenangan tidak boleh dikeluarkan dahulu sebagai promosi sesuatu peristiwa samada setahun atau beberapa bulan lebih awal.
12. Sesuatu peristiwa yang dipertimbangkan untuk mengeluarkan setem kenang-kenangan adalah mengikut hirarki kepentingan peristiwa yang mana lebih penting dari yang lain. Jika jadual telah penuh/telah

melebihi had keluaran pada tahun berkenaan atau rayuan oleh pihak pemohon untuk mengeluarkan setem mengenai sesuatu peristiwa penting tetapi permohonan lewat dihantar boleh dipertimbangkan untuk keluaran buku setem, sampul kenangan atau sampul peringatan atau aerogram.

13. Sesuatu permohonan terlalu hampir dengan hari peristiwa perlu ditolak kerana kesuntukan masa untuk persediaan reka bentuk, promosi serta percetakan. Jika perkara ini dibenarkan, mutu setem akan merosot serta mendapat kritikan yang tidak menggalakkan daripada pengumpul setem dan masyarakat.

PENGAGIHAN TEMA

14. Bilangan setem kenangan yang akan dikeluarkan perlu dihad kepada tidak melebihi 10 tema. Oleh itu, pembahagian setiap tema harus merangkumi beberapa aspek seperti cadangan berikut:

Sains dan Teknologi	1
Sukan	1
Kesenian, Kebudayaan dan Perlancongan	1
Tokoh	1
Pendidikan dan Kesihatan	1
Sejarah	2
Infrastruktur	1
Pembangunan Institusi	1
Am	1

15. Sekiranya tema yang dipohon bagi setiap tahun tidak merangkumi kesemua kategori di atas, pertimbangan sewajarnya bolehlah diberikan kepada lain-lain aspek untuk melengkapkan pengagihan tema-tema di atas.

SETEM POS KHAS

16. Setem pos khas adalah merupakan setem yang dikeluarkan bagi menggambarkan keunikan negara yang sentiasa ada atau wujud. Ianya juga merangkumi khazanah negara yang telah berlalu agar tidak lupus dari ingatan generasi baru.

17. Setem pos khas hendaklah mencerminkan alam semulajadi yang meliputi kehidupan flora, fauna, sejarah, seni, budaya meliputi warisan, ketokohan atau patriotisma dan nilai-nilai tradisional.
18. Bagi kategori tokoh negara, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:
 - 18.1 Warganegara Malaysia.
 - 18.2 Telah meninggal dunia.
 - 18.3 Sumbangannya hendaklah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan atau/dan antarabangsa
19. Bagi kategori sejarah, seni dan budaya, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:
 - 19.1 Menjadi warisan sejarah dan sukar diperolehi pada hari ini.
 - 19.2 Sekiranya barangan hendaklah dimiliki oleh rakyat Malaysia.
 - 19.3 Barangan hendaklah dikelaskan barangan purba/lama dan jika perlu disahkan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti/Arkib Negara.
 - 19.4 Warisan atau seni berasal dari Malaysia atau berada dalam negara sejak berkurun yang lalu; contoh senjata tradisional, seni tempak, ukiran dsb.
20. Bagi kategori alam semulajadi, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:
 - 20.1 Persekitaran hendaklah dalam bentuk semulajadi dan tidak dipengaruhi oleh pembangunan moden.
 - 20.2 Sekiranya flora hendaklah sesuatu yang unik, sukar ditemui dan boleh memanfaatkan kepada kehidupan.
 - 20.3 Termasuk hidupan yang dilindungi, diancam kepupusan, hampir pupus atau sukar didapati dan tidak dikenali ramai.
21. Bagi kategori sains dan teknologi, kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

21.1 Ciptaan Malaysia.

21.2 Mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan atau/dan antarabangsa.

22. Bilangan setem khas yang akan dikeluarkan perlu dihad kepada tidak melebihi 7 tema bagi setiap tahun.

SETEM POS DEFINITIF

23. Setem pos definitif adalah dikeluarkan bagi tujuan mel dan dikeluarkan untuk tempoh yang lama. Terdapat dua jenis setem pos definitif iaitu satu untuk kategori kebangsaan dan satu untuk kategori negeri.

24. Setem pos definitif hendaklah dikaji semula untuk setiap 5 tahun.

PERTANYAAN

25. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai permohonan dan kriteria pengeluaran setem pos boleh diajukan kepada:

Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 603 8688 8000
Fax: 603 8688 1002

www.mcmc.gov.my